



## KENYATAAN MEDIA

### **UniMAP Terima 46 Buah Bas Baharu Bagi Kegunaan Pelajar**

PAUH PUTRA, 15 Ogos - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima 46 buah bas dalam persediaan menerima pelajar-pelajar baharu Sidang Akademik 2016/2017 yang dijangka mendaftar penghujung bulan ini.

Naib Canselor UniMAP, Dato Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, UniMAP telah menjalankan kontrak bersama IR-SAF Holidays dan Ekspress Sdn. Bhd. selama tiga tahun untuk membekalkan 46 buah bas untuk kegunaan pelajar UniMAP.

□ Bas-bas ini telah dipecahkan kepada empat kampus UniMAP iaitu kampus UniCiti (10 bas), Kolej Kediaman Wang Ulu (20 bas), Kolej Simpang Empat (10 bas) dan Pauh Putra (6 bas).

□ Pecahan ini adalah mengikut nisbah jumlah pelajar yang ditempatkan di kolej kediaman serta kampus-kampus UniMAP,□katanya ketika ditemui pada sesi pemeriksaan bas-bas kontrak dan dokumen-dokumen yang berkaitan di Dataran Kejat, Dewan Ilmu UniMAP.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Mohd Foad Sakdan, Pengarah Jabatan Pembangunan UniMAP, Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid dan Pengarah Urusan IR-SAF Holidays dan Ekspres Sdn Bhd. Khairul-Syakirin Harith Fadzilah.

Sementara itu, Prof. Madya Mazelan berkata, sebanyak 10 buah bas telah beroperasi di kampus UniCiti untuk digunakan pelajar-pelajar Diploma.

□ Sebagai permulaan, kita telah menempatkan sebanyak 10 buah bas untuk memudahkan pelajar diploma yang tinggal di Kampus UniCiti bergerak ke kelas dan bandar Kangar,□katanya.

#### **Dikeluarkan Oleh :**

**Mohd Basri Basir ([mbasri@unimap.edu.my](mailto:mbasri@unimap.edu.my))**

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP

